



## SHOWCASE SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) 2010 PERINGKAT ZON SARAWAK DAN SABAH

---

### PENGENALAN

Showcase SDSI merupakan salah satu program yang dianjurkan selaras dengan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemasaran dan Promosi SDSI di bawah Jawatankuasa SDSI Peringkat Kebangsaan yang diketuai oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Showcase SDSI yang mula diperkenalkan pada tahun 2006 merupakan pameran tahunan terbesar di peringkat nasional yang menghimpunkan produk/perkhidmatan SDSI dari seluruh Malaysia dalam usaha untuk memasarkan dan mempromosikan keluaran SDSI. Objektif program adalah untuk:

- i) Membantu dan memudahkan pemasaran produk/perkhidmatan usahawan yang berkualiti;
- ii) Meningkatkan imej produk/perkhidmatan tempatan, khususnya SDSI;
- iii) Memberi pendedahan kepada umum bahawa keluaran SDSI adalah berpotensi dan berkualiti;
- iv) Mewujudkan dan memperluaskan rangkaian perniagaan dan *networking* di antara usahawan dengan pembeli perdagangan.

Penganjuran Showcase SDSI kini diperluaskan ke peringkat zon mulai tahun 2010. Ia bertujuan untuk memberi peluang penyertaan kepada lebih ramai usahawan, sebagai *platform* bagi pemilihan usahawan untuk menyertai Showcase di peringkat nasional serta membantu mempromosikan Showcase peringkat nasional (*to build momentum*) yang akan dianjurkan pada akhir

tahun. Jadual penganjuran Showcase SDSI peringkat zon dan nasional bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

BIL	ZON	NEGERI	LOKASI	TARIKH
1.	Tengah	Negeri Sembilan	Kompleks Belia dan Sukan, Paroi, Negeri Sembilan	26-27 Jun 2010 (Sabtu-Ahad)
2.	Sabah dan Sarawak	Sarawak	Dewan Undangan Negeri (DUN) Lama, Petra Jaya Kuching, Sarawak	2-4 Julai 2010 (Jumaat-Ahad)
3.	Nasional	Melaka	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC)	10-12 Dis. 2010 (Jumaat-Ahad)

### PENGISIAN SHOWCASE SDSI 2010 PERINGKAT ZON SARAWAK DAN SABAH

MITI dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak akan menganjurkan program Showcase SDSI 2010 Peringkat Zon Sarawak dan Sabah seperti berikut:

**Tarikh : 2-4 Julai 2010 (Jumaat - Ahad)**

**Tempat : Dewan Undangan Negeri (DUN) Lama, Petra Jaya, Kuching, Sarawak**

**Masa : 10.00 pagi - 10.00 malam**

**Perasmian: Disempurnakan oleh  
YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud  
Ketua Menteri Sarawak  
pada 2 Julai 2010 (Jumaat), jam 3.00 petang**

Pengisian program adalah berdasarkan konsep penganjuran Showcase SDSI peringkat nasional iaitu:

- Pameran dan jualan (lebih 100 booth usahawan dari Sarawak);
- Seminar keusahawanan;
- Bicara tokoh oleh usahawan berjaya;
- *Business matching*;
- Khidmat nasihat dan perundingan perniagaan secara percuma;
- Promosi dan jualan makanan popular dari setiap Bahagian di negeri Sarawak– Menu Malaysia;
- Pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan kebudayaan, peragaan fesyen, cabutan bertuah, demonstrasi masakan, pertandingan karaoke dan banyak lagi.

Dapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi:

- Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera (UPUB),  
Jabatan Ketua Menteri Sarawak  
082- 492 449 / 447
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
(MITI)  
03-88805137 / 5118 / 5136 / 5121

\* [RUJUK JADUAL ATURCARA PROGRAM](#)